

**Terengganu dijangka terus
terima hujan sangat lebat**

Kelantan diramal dilanda hujan berterusan sehingga esok


Oleh Batrisyia Fazil, Nuratikah Athilya Hasaan, Nor Amalina Alias, Faizul Azlan Razak dan Nurul Fatimah Sulaini
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Terengganu dijangka terus menerima hujan sangat lebat berterusan sehingga esok, manakala Kelantan pula diramal dilanda hujan berterusan bagi tempoh sama yang kemudian dijangka beralih pula ke Pahang, Johor dan barat Sarawak sehingga Ahad ini.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), ramalan hujan sangat lebat berterusan sehingga Khamis membabitkan seluruh Terengganu, hujan lebat berterusan di Kelantan melibatkan Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Jeli, Tanah Merah, Bachok, Machang, Pasir Puteh dan Kuala Krai.

“Sehingga 22 Disember juga, hujan berterusan pula diramal melanda Gua Musang di Kelantan, selain Jerantut dan Maran di Pahang serta Segamat, Kluang, Mersing, Kulai, Kota Tinggi dan Johor Bahru di Johor,” menurut MetMalaysia.

Bermula Jumaat pula, hujan berterusan diramal melanda lapangan bahagian di Sarawak sehingga 24 Disember, iaitu Kuching, Serian, Samarahan, Sri Aman, Be-



tong, Sarikei, Sibul dan Mukah.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugasan-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd Ali, berkata hujan lebat yang melanda Kelantan dan Terengganu, diramal beralih ke Pahang, Johor dan juga ke kawasan barat Sarawak.

Katanya, data terkini MetMalaysia meramalkan luruhan kedua Monsun Timur Laut (MTL) pada 17 hingga 21 Disember lalu, akan berlarutan sehingga Ahad ini.

Memberitahu media demikian selepas sesi penyerahan sumbangan Felda Global Ventures (FGV) kepada Tabung Bantuan Bencana Negara (TBBN) di Parlimen semalam, beliau berkata, JPBN turut diminta berhati-hati dengan kesan pascahujan, iaitu pergerakan tanah yang membawa risiko tanah runtuh.

Setakat jam 7 malam semalam, seramai lebih 71,000 mangsa banjir masih berlindung di PPS di lima negeri, dengan Terengganu dan Kelantan terus merekodkan peningkatan mangsa, masing-masing 39,108 orang daripada 10,735 keluarga dan 26,630



Beberapa kawasan di Terengganu dilanda banjir, semalam. (Foto BERNAMA)

orang daripada 9,319 keluarga.

Mangsa banjir meningkat

Di **Pahang**, mangsa banjir di Kuantan meningkat sedikit dengan 873 mangsa ditempatkan di lapangan PPS, manakala di Perak, 54 orang daripada 17 keluarga kekal berada di dua PPS membabitkan daerah Baglan Datuk dan Hilir Perak. Di Johor, mangsa banjir di tiga PPS daerah Segamat kekal 53 orang.

Dalam perkembangan berkaitan, seramai 1,641 mangsa dari 15 PPS di Terengganu, membabitkan dua di Kemaman, Besut (5), Hulu Terengganu (5) dan Setiu (3), terpaksa dipindahkan ke lokasi lain selepas PPS yang menempatkan mereka turut dinaiki air sejak kelmarin.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Rohaimi Md Isa, berkata keadaan itu memberi sedikit kesukaran kepada pihak berkuasa dan agensi penyelamat untuk mengurus serta menjalankan kerja-kerja pemindahan mangsa yang diharap

dapat bersabar kerana proses berkenaan akan mengambil masa.

“Kita sedang berusaha melancarkan kerja-kerja berkenaan dengan pantas dan selamat,” katanya selepas meninjau keadaan mangsa banjir di PPS Sekolah Kebangsaan Mangkuk, Permaisuri, semalam.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah Besut, Azran Amin Mazlan, berkata gelombang kedua banjir berkeungkinan besar berlaku di daerah itu hari ini sekiranya hujan lebat berterusan, sekaligus mangsa banjir diminta lebih berwaspada apabila pulang ke rumah.

Dalam perkembangan berkaitan, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Dr Md Nasir Md Noh, berkata Kelantan dan Terengganu menerima taburan hujan tinggi dalam tempoh singkat sejak tiga hari lalu, mengakibatkan banyak daerah dan kampung di sepanjang sungai ditenggelami banjir.